
Publication: Berita Harian, p 13

Date: 16 July 2016

Headline: Father among SMU best political science students

Bapa antara lulusan terbaik sains politik SMU



AKHIRNYA TERCAPAI HASRAT: Encik Muhammad Nazir berterima kasih kepada isteri Cik Mariani Jamil yang membantu menjaga anak mereka semasa beliau sibuk dengan pengajian. – Foto SMU

MEREKA yang sudah bergelar bapa mungkin akur kesukaran melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi, apatah lagi jika mempunyai anak yang masih kecil.

Namun, itu tidak mematahkan semangat Encik Muhammad Nazir Abdul Hamid yang memenuhi impiannya mahu menggenggam segulung ijazah.

Biarpun mempunyai tiga anak kecil berusia lima, lapan dan 10 tahun, Encik Nazir mampu meneruskan pengajian selama bukan setahun dua, malah sembilan tahun lamanya – daripada diploma ke ijazah sarjana muda. Bahkan, beliau menerima anugerah kerana meraih keputusan cemerlang.

Encik Nazir, 35 tahun, menerima

ijazah sarjana muda sains sosial (peringkat 'cum laude') dengan peng-khususan pertama sains politik, dasar awam dan pengurusan awam Universiti Pengurusan Singapura

Beliau turut diberi Anugerah Kecemerlangan Ho See Beng selepas meraih keputusan cemerlang bagi pengkhususan sains politik untuk penuntut sains sosial.

Encik Nazir, yang kini Pegawai Pemulihan Pertama di Perkhidmatan Penjara Singapura, mendapat

hasiswa Kementerian Dalam Negeri (MHA). Biasiswa program Belajar dan Berkembang Ehwal Dalam Negeri itu, atau singkatannya Halo, membiayai pengajian pegawai terpilih yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah di universiti setem-

"Kalau cakap pasal cabaran, sam-pai besok pun tidak habis. Memang banyak liku dan detik sukar yang sava harus harungi sepanjang sembi-

lan tahun menyambung pengajian.

"Antaranya perihal keluarga, terutamanya anak yang masih kecil,"

Mujur beliau mendapat sokongan kuat isteri, Cik Mariani Jamil, yang menjadi suri rumah semata-mata mahu memberi peluang kepada suami menumpukan sepenuh perhatian kepada pelajaran

Cik Mariani, 36 tahun, memainkan peranan menjaga urusan keluarga, termasuk makan minum dan isu berkaitan anak.

"Anak-anak saya kerap menanti sava pulang bagi mengajar mereka berkaitan subjek yang kurang pasti. Saya pula kerap pulang lewat kerana ingin pastikan saya tidak ketinggalan dalam pelajaran.
"Tapi pada hujung minggu, saya berusaha mengisi lebih masa dengan peraka tengah kerapaka tanggan kerapaka tanggan kerapaka tanggan

mereka, termasuk ulang kaji bersa-ma atau bawa mereka keluar berjalan. Rasanya semua pengorbanan itu berbaloi," jelasnya gembira.

Sebelum melanjutkan pengajian ke SMU, Encik Nazir memiliki diplo-ma kejuruteraan mekanikal Po-liteknik Singapura (SP) yang diambil secara sambilan antara 2007 dengan 2012.

Bapa seorang anak perempuan dan dua anak lelaki itu kemudian melanjutkan pengajian di SMU antara 2012 sehingga pertengahan tahun ini.

Buat masa ini, beliau belum mempunyai rancangan melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana.